

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN  
[PONTIAN]**

**TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN**

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [ Pontian ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan semua langkah terperinci untuk menaikkan harga komoditi sawit, getah, lada hitam dan lain tanaman. Nyatakan hasil usaha itu. Bila MSPO akan diselesaikan dan nyatakan negara baharu yang membeli sawit, getah, lada hitam serta nilainya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Antara usaha agresif dan proaktif terbaru Kementerian untuk menstabilkan harga komoditi sawit, getah dan lada adalah dengan meningkatkan permintaan negara-negara pengimpor melalui inisiatif berikut:

- (a) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi membenarkan belian terus (*direct purchase*) minyak sawit dan produk berasaskan sawit berjumlah 1.9 juta tan untuk tempoh 5 tahun mulai 2019 hingga 2023 oleh Republik Rakyat China pada 25 April 2019;
- (b) mengukuhkan pasaran di India yang merupakan negara pengimpor terbesar sawit dan negara-negara berpotensi seperti Iran, Mesir dan negara-negara Afrika melalui Misi Ekonomi dan Pelaburan yang diketuai oleh YB Timbalan Menteri pada tahun 2018. Misi ini telah berjaya meyakinkan negara-negara tersebut untuk meningkatkan

pembelian minyak sawit negara. Selain itu, langkah Kerajaan India mengurangkan

- (c) duti import minyak sawit (CPO) daripada 44% kepada 40% serta pengurangan duti import minyak sawit proses daripada 54% kepada 45% juga telah memberi kesan positif kepada industri sawit negara;
- (d) melaksanakan *Agreed Export Tonnage Scheme* (AETS) ke-6 yang merupakan instrumen bagi mengimbangi stok di pasaran dunia serta dijangka dapat meningkatkan harga getah asli bagi jangka masa pendek. AETS ini telah dipersetujui melalui mesyuarat *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) pada 4 dan 5 Mac 2019 di Bangkok, Thailand dengan menetapkan pengurangan kuota eksport sebanyak 240,000 tan mulai 1 April 2019 selama empat bulan; dan
- (e) menjalinkan kerjasama dengan negara-negara pengeluar utama lada hitam Malaysia melalui *International Pepper Community* (IPC) untuk menerokai pasaran baharu bagi meningkatkan permintaan terhadap lada sekaligus membantu dalam mencari mekanisme terbaik untuk menangani masalah ketidakstabilan harga lada di pasaran antarabangsa.

Untuk makluman Yang Berhormat, antara negara-negara baharu yang mengimport komoditi sawit, getah dan lada hitam adalah Djibouti, Korea Selatan, Iran, Afrika Selatan, Pakistan, Mauritius dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua,

Berkaitan dengan pensijilan *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO), ianya akan dilaksanakan secara mandatori mulai 1 Januari 2020.

Sekian terima kasih.